

## **Notis Privasi untuk RSign**

### **1. Maklumat Umum**

Notis Privasi ini menetapkan asas pemprosesan data peribadi yang anda berikan kepada kami (selepas ini dirujuk sebagai "Jungheinrich" atau "kami") dalam penggunaan perkhidmatan RSign (selepas ini dirujuk sebagai "Produk").

Produk ini membolehkan pertukaran dokumen kontrak dan jenis dokumen lain (selepas ini dirujuk sebagai "Dokumen Kontrak") secara elektronik antara pihak yang berkontrak. Dokumen Kontrak boleh ditandatangani secara elektronik dengan menggunakan Produk ini dan disertakan dengan maklumat tambahan yang diperlukan.

Di Jungheinrich, kami mengutamakan privasi dan perlindungan data peribadi anda. Berikut adalah maklumat berkenaan jenis, skop dan tujuan pemprosesan data peribadi anda. Sekiranya anda bersetuju dengan Notis Privasi ini, anda bersetuju dengan syarat-syarat berikut.

### **2. Pengawal Data**

Pengawal data dalam konteks undang-undang privasi adalah Jungheinrich Lift Truck Malaysia Sdn. Bhd. di No. 22a, Jalan Anggerik Mokara 31/47, Kawasan Industri Kota Kemuning, 40460 Shah Alam, Selangor.

Sila mengemukakan sebarang pertanyaan mengenai pemprosesan data peribadi anda serta permintaan untuk menggunakan hak anda kepada:

Pegawai Perlindungan Data  
Jungheinrich Lift Truck Malaysia Sdn. Bhd.  
No. 22a, Jalan Anggerik Mokara 31/47  
Kawasan Industri Kota Kemuning  
40460 Shah Alam  
Selangor  
Tel.: +603 5525 9888  
E-mel: marketing@jungheinrich.com.my

### **3. Maklumat Mengenai Pemprosesan Data**

Kami mematuhi peraturan-peraturan perlindungan data dalam pemprosesan data peribadi. Hal ini bermakna bahawa kami hanya akan memproses data jika dibenarkan secara sah, iaitu jika pemprosesan data adalah dikehendaki oleh undang-undang, jika subjek data telah memberikan persetujuan, jika pemprosesan data adalah diperlukan untuk pelaksanaan kontrak atau untuk langkah prakontrak, atau jika pemprosesan dilakukan berdasarkan asas undang-undang lain seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 6(2) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai "APDP 2010").

#### **3.1. Melawat Laman Web**

Data berikut akan dikumpulkan semasa anda melawat laman web Produk tersebut:

- Alamat IP
- Jenis pelayar
- Sistem operasi
- Tetapan bahasa bagi peranti yang digunakan
- Alamat internet (URL) dan halaman yang diakses
- Tarikh dan masa akses

Data yang dikumpul secara automatik tersebut adalah disimpan untuk memudahkan penggunaan Produk dan untuk mengesan, memadam serta menjak sebarang kesilapan teknikal atau penyalahgunaan Produk dan perkhidmatan kami.

Pemprosesan data bagi tujuan yang dinyatakan di atas dijalankan berdasarkan kepentingan perniagaan sah kami, seperti yang dibenarkan di bawah APDP 2010.

### **3.2. Apabila Menggunakan Produk**

Apabila menggunakan Produk, data berikut juga akan diproses:

- Nama pertama, nama keluarga
- Alamat e-mel
- Tandatangan

Untuk mengetahui transaksi dalam Produk dan memproses serta menandatangani Dokumen Kontrak, penerima transaksi hendak bersetuju (opt-in) dengan peruntukan perlindungan data ini menurut Seksyen 6 APDP 2010.

Penerima akan menerima akses kepada transaksi melalui pautan yang akan diberikan melalui emel terdahulu. Akses adalah terhad dalam masa dan ditetapkan secara automatik kepada tidak aktif selepas 30 hari. Sekiranya anda ingin membantah pemprosesan data anda, anda boleh berbuat demikian pada bila-bila masa menurut klausula 7.5 Notis Privasi ini. Sila ambil perhatian bahawa sekiranya anda membuat bantahan, anda tidak akan dapat memperoleh sebarang Dokumen Kontrak melalui Produk ini pada masa depan.

### **3.3. Penghantaran Transaksi kepada Wakil dan Pihak Atasan**

Anda boleh menghantar transaksi kepada penerima lain (contohnya, wakil atau pihak atasan) dalam organisasi anda bagi tujuan pemprosesan dan/atau tandatangan.

Sila ambil perhatian bahawa penerima tambahan hendaklah dimaklumkan terdahulu mengenai penghantaran tersebut dan penghantaran hanya boleh dilakukan dengan persetujuan individu yang berkenaan. Data yang diproses untuk tujuan ini seperti yang dirujuk dalam klausula 3.2 Notis Privasi ini juga perlu diambil kira. Penggunaan fungsi "Tukar penandatangan" adalah atas budi bicara penerima asal.

## **4. Langkah-langkah Untuk Melindungi Data Peribadi Anda**

Kami melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi selaras dengan teknologi terkini untuk memastikan keperluan undang-undang privasi Eropah dan negara ini dipatuhi dan untuk melindungi data yang diproses oleh kami daripada manipulasi, kehilangan, pemadaman secara tidak disengajakan atau sengaja atau akses oleh pihak yang tidak mempunyai kebenaran akses.

Secara khusus, semua komunikasi berkaitan dengan lawatan dan penggunaan Produk yang dilakukan melalui pelayar adalah sulit dengan penggunaan prosedur TLS.

Semua data yang dihantar secara peribadi oleh anda akan dipindah dengan menggunakan standard SSL (Secure Socket Layer). SSL adalah standard yang selamat dan teruji dan, sebagai contoh, juga digunakan dalam perbankan dalam talian. Cara-cara untuk mengenal pasti sambungan SSL yang selamat termasuk https (iaitu: <https://...>) di bar alamat pelayar anda dan simbol kunci pada bahagian bawah pelayar anda.

Kami menggunakan kaedah keselamatan teknikal dan organisasi yang sesuai untuk melindungi data peribadi yang kami simpan daripada manipulasi, kehilangan sebahagian atau sepenuhnya, dan daripada akses yang tidak dibenarkan oleh pihak ketiga. Langkah keselamatan kami mempunyai penambahbaikan berterusan selaras dengan perkembangan teknologi.

## **5. Pemindahan Data kepada Pihak Ketiga**

Untuk membekalkan Produk kepada anda, kami bekerjasama dengan Frama AG (Frama AG, Dorfstrasse 6, 3438 Lauperswil, Switzerland) sebagai pembekal perkhidmatan luar kami dan Jungheinrich AG (Friedrich-Ebert-Damm 129, 22047 Hamburg) sebagai syarikat induk kami.

Segala penggunaan pembekal perkhidmatan luaran dan syarikat induk kami adalah dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang dan terma Notis Privasi ini. Penerima data diwajibkan untuk menggunakan data hanya untuk tujuan yang telah ditetapkan. Sekiranya data dipindahkan kepada penerima di luar Malaysia, penerima tersebut menjamin tahap perlindungan data yang setara menurut APDP 2010. Pengecualian adalah negara yang standard perlindungan datanya diiktiraf sebagai memadai oleh pihak berkuasa Malaysia.

## **6. Tempoh Penyimpanan Data Peribadi Anda**

Secara prinsip, kami hanya menyimpan data anda selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pengumpulan data tersebut. Penyimpanan yang lebih lama boleh dilakukan jika terdapat tempoh simpanan dibawah undang-undang atau jika anda telah memberi persetujuan untuk menyimpan data anda bagi tempoh yang lebih lama.

## **7. Hak Anda Mengenai Pemprosesan Data Peribadi Anda**

### **7.1. Hak Akses**

Anda boleh meminta maklumat mengenai data peribadi anda yang diproses oleh kami pada bila-bila masa. Anda berhak mendapatkan salinan data yang kami proses daripada anda.

### **7.2. Hak Pembetulan, Hak Pemadaman**

Anda berhak untuk meminta pembetulan data peribadi yang tidak tepat atau tidak lengkap mengenai anda.

Anda juga berhak untuk meminta pemadaman data peribadi mengenai anda jika dan setakat mana data tersebut tidak lagi diperlukan untuk tujuan pemprosesan, jika anda telah menarik balik persetujuan yang digunakan untuk pemprosesan tersebut, atau jika anda membantah pemprosesan dan tidak ada asas undang-undang lain bagi pemprosesan tersebut, atau jika pemprosesan adalah tidak sah dibawah undang-undang. Kami akan memadam data peribadi anda atas permintaan anda jika kami tidak lagi perlu data tersebut untuk memenuhi kontrak atau jika kami tidak mempunyai kewajipan untuk menyimpannya.

### **7.3. Hak Sekatan Pemprosesan**

Anda berhak untuk meminta kami mengehadkan pemprosesan data peribadi anda jika:

- anda membantah ketepatan data peribadi untuk tempoh masa yang membolehkan kami mengesahkan ketepatannya;
- pemprosesan adalah menyalahi undang-undang dan anda enggan memadamkan data peribadi dan sebaliknya meminta sekatan penggunaannya;
- kami tidak lagi memerlukan data peribadi untuk tujuan pemprosesan, tetapi anda memerlukannya untuk pembentukan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang; atau
- anda telah membantah pemprosesan data peribadi anda sementara menunggu pengesahan sama ada kepentingan sah kami mengatasi hak dan kepentingan anda.

### **7.4. Hak Pemindahan Data**

Anda berhak untuk menerima data peribadi mengenai anda, yang telah anda berikan kepada kami, dalam format yang berstruktur, biasa digunakan dan boleh dibaca mesin dan berhak untuk memindahkan data tersebut kepada pengawal lain tanpa halangan, dimana:

- pemprosesan adalah berdasarkan persetujuan menurut Seksyen 43A. (1) APDP 2010; dan
- data boleh dipindah dari segi teknikal, dan format data adalah serasi.

#### **7.5. Hak Membantah**

Anda berhak untuk membantah, atas alasan yang berkaitan dengan situasi khusus anda, pada bila-bila masa terhadap pemprosesan data peribadi mengenai anda. Kami tidak akan lagi memproses data peribadi anda kecuali terdapat alasan sah yang mencukupi untuk pemprosesan tersebut yang mengatasi kepentingan, hak dan kebebasan anda atau pemprosesan digunakan untuk pembentukan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang.

#### **7.6. Hak Menarik Balik Persetujuan**

Anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan data pada bila-bila masa, secara tidak rasmi dan tanpa memberi alasan. Penarikan balik persetujuan tidak akan menjelaskan kesahihan pemprosesan yang telah dilakukan sehingga ketika itu.

Sila kemukakan segala pertanyaan mengenai penggunaan hak anda kepada Pegawai Perlindungan Data kami melalui pilihan hubungan yang dinyatakan di atas.

#### **8. Pautan ke Laman Web Lain**

Pautan yang terkandung dalam Produk kami mungkin merujuk ke laman web Jungheinrich Malaysia yang lain. Notis privasi yang diberikan untuk tujuan di sini dan ditunjukkan pada halaman web yang berkenaan terpakai dengan sewajarnya. Perkara yang sama juga terpakai bagi pautan ke laman web pihak ketiga, jika ada.

#### **9. Kemas Kini Pada Notis Privasi Ini**

Kami akan mengemas kini Notis Privasi ini jika perlu atas sebab undang-undang atau fakta. Sila pastikan anda sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai status Notis Privasi ini.

01.05.2025